

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15 December 2015

Sukan Siber 2015 gilap bakat muda

BH- 15/12/2015

Kuala Lumpur: Acara seperti Sukan Siber Malaysia 2015 berupaya menggilap bakat anak muda menjadi yang terbaik di peringkat dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, E-sukan di Malay-

sia semakin popular dan kini ramai anak muda yang berbakat besar mampu pergi jauh di peringkat dunia.

“Baru-baru ini pun, ada pasukan Malaysia yang berjaya masuk ke peringkat akhir pertandingan Dota 2 (Sukan On-

line Dota 2) Antarabangsa.

Jadi terbaik di dunia

“Saya percaya dengan adanya acara seperti Festival Sukan Siber Malaysia 2015 yang saya hadiri semalam (kelmarin), bakat mereka dapat digilap untuk menjadi yang terbaik di dunia satu hari nanti, insya-Allah,” katanya dalam catatan Facebook beliau, semalam.

Najib turut mengucapkan tahniah kepada pasukan SatuDuaTiga kerana menjuarai pertandingan permainan video Dota 2, sekali gus me-

wakili Malaysia dalam pertandingan antarabangsa Dota 2 nanti.

Pada Festival Sukan Siber Malaysia 2015 yang berlangsung di Stadium Negara kelmarin, kumpulan SatuDuaTiga menewaskan pasukan who2bet 2-1.

Kemenangan itu membolehkan pasukan yang dianggotai Adam Erwann Shah Akhtar Hussein, Ng Wei Poong, Lee Vei Siang, Chua Chee Cai dan Sim Woi Cheong membawa pulang wang tunai RM125,000 serta trofi.